



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



bheuuipm



www.bheuu.gov.my

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN
BHEUU TAHUN 2022

E-BULETIN

EDISI JULAI & OGOS 2022 BHEUU



21 JULAI 2022 (KHAMIS)

Pelan strategik merupakan komponen terpenting dalam usaha merangka dan merancang dasar, menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat organisasi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda perkhidmatan awam dan negara.

BENGKEL PEMURNIAN PELAN STRATEGIK BHEUU 2021-2025



Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri 2021-2025 telah diadakan pada 21 Julai 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bertujuan untuk memantapkan deraf sedia ada.

Pelan Strategik BHEUU 2021-2025 dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira fungsi, peranan dan hala tuju setiap Bahagian/Jabatan dan Agensi di bawahnya. Pelan ini merangkumi empat (4) teras strategik yang akan menyokong misi dan visi BHEUU untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

18-19 JULAI 2022 (ISNIN - SELASA)



BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)



22 JULAI 2022 (JUMAAT)

**MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA
PUSPANITA CAWANGAN KECIL
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI**



24 - 27 JULAI 2022 (SELASA - RABU)

**SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN LAPORAN AKHIR
JAWATANKUASA KHAS TEKNIKAL SIASATAN KES KEMATIAN
ALLAHYARHAM MUHAMMAD ADIB BIN MOHD KASSIM**



26 JULAI 2022 (SELASA)



SESI LIBAT URUS BERSAMA AHLI DEWAN RAKYAT KERAJAAN BERHUBUNG RUU (PINDAAN) (NO.3) 2022 DAN MENGENAI PERUNTUKAN LARANGAN AHLI DEWAN RAKYAT BERTUKAR PARTI

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Ahli Dewan Rakyat Kerajaan Berhubung Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 dan Mengenai Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti di Parlimen pada 26 Julai 2022.

Dalam sesi taklimat tersebut, YB Menteri telah memaklumkan bahawa sebanyak 12 sesi libat urus bersama pelbagai pihak telah diadakan di mana semua pandangan dan cadangan diteliti bagi memastikan RUU ini meliputi pelbagai perkara.

SESI LIBAT URUS BERSAMA AHLI DEWAN RAKYAT PEMBANGKANG BERHUBUNG RUU (PINDAAN) (NO.3) 2022 DAN MENGENAI PERUNTUKAN LARANGAN AHLI DEWAN RAKYAT BERTUKAR PARTI

26 JULAI 2022 (SELASA)

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Ahli Dewan Rakyat Pembangkang Berhubung Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 dan Mengenai Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti di Parlimen pada 26 Julai 2022.

Pada sesi tersebut, YB Menteri telah memaklumkan betapa pentingnya peranan Ahli Dewan Rakyat Pembangkang bersama Ahli Dewan Rakyat Kerajaan dalam memastikan kelancaran RUU tersebut.



27 JULAI 2022 (RABU)



KURSUS PENGURUSAN TATATERTIB

Unit Integriti BHEUU dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Tatatertib pada 27 Julai 2022 bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU.

Seramai 71 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada kakitangan BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl).

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta berhubung prosedur dan peraturan bagi memastikan setiap penjawat sentiasa berintegriti dalam melaksanakan tugas harian mereka.

9 OGOS 2022 (SELASA)



SESI PENYERAHAN LAPORAN JAWATANKUASA KHAS SIASATAN KES KEMATIAN ALLAHYARHAM MUHAMMAD ADIB BIN MOHD KASSIM KEPADA KETUA PENGARAH BHEUU

Pada 9 Ogos 2022 (Selasa), Mesyuarat Jawatankuasa Khas Siasatan Kes Kematian Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim Bil. 4/2022 dan Sesi Penyerahan Laporan Kepada Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Datuk Abdul Shukor bin Mahmood telah berlangsung bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU.

9 OGOS 2022 (SELASA)

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

KE PENJARA WANITA
KAJANG OLEH
PUSPANITA CAWANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI (JPM)



Lawatan Sambil Belajar ke Penjara Wanita Kajang, Selangor oleh PUSPANITA Cawangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan pada 9 Ogos 2022 (Jumaat). Delegasi yang diketuai oleh YBhg. Datin Sri Siti Azlina binti Ahmad, Pengerusi PUSPANITA Cawangan JPM ini diadakan bertujuan untuk membentuk jalinan kerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia disamping memberikan pendedahan kepada warga PUSPANITA Cawangan JPM akan peranan, tugas dan tanggungjawab serta sumbangan Jabatan Penjara Malaysia terhadap masyarakat serta memberikan sokongan moral kepada banduan agar mereka lebih menghargai dan dihargai.

16 OGOS 2022 (SELASA)



MAJLIS PERJUMPAAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI

Pada 16 Ogos 2022 (Selasa), Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya. Majlis yang mengumpulkan pegawai-pegawai pengurusan tertinggi daripada semua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri ini diadakan secara terbuka buat julung kalinya setelah negara dilanda gelombang COVID-19.

Semasa perjumpaan tersebut, YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob mengingatkan Keluarga JPM untuk memecahkan mentaliti silo dan meningkatkan kerjasama antara agensi untuk bekerja sebagai satu pasukan #KeluargaMalaysia bagi memastikan setiap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan pantas.

PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN BHEUU TAHUN 2022

Program Sambutan Bulan Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) Tahun 2022 telah diadakan pada 17 Ogos 2022 (Rabu) dengan meriahnya bertempat di Lobi Bangunan Hal Ehwal Undang-undang, Putrajaya. Majlis yang menghimpunkan warga BHEUU, JBG dan Mdl itu disambut dengan penuh semangat patriotik dengan kehadiran YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan YB Timbalan Menteri (Parlimen dan Undang-undang), YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Datuk Abdul Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah Mdl, YBhg. Datuk Anita Harun, dan Ketua Pengarah JBG, YBhg. Datuk Wan Jeffry bin Kassim.

17 OGOS 2022 (RABU)





JABATAN PERDANA MENTERI
PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG

KUNJUNGAN HORMAT

dan Perjumpaan Bersama
YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-undang)



7 JULAI 2022 (KHAMIS)



**Kunjungan Hormat Mr. Choon-Jin Kim,
The Former President of Korea Scout Parliamentary Association
ke atas YB Menteri**



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB MENTERI

15 JULAI 2022 (JUMAAT)



**Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif FINAS,
Profesor Dr. Md Nasir Ibrahim ke atas YB Menteri**

22 JULAI 2022 (JUMAAT)



**Kunjungan Hormat SUHAKAM
(Human Rights Commission of Malaysia) ke atas YB Menteri.**



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB MENTERI

26 JULAI 2022 (SELASA)



**Kunjungan Hormat State Minister of Justice of Japan,
H.E. Mr Tsushima ke atas YB Menteri.**

3 OGOS 2022 (RABU)



Kunjungan Hormat Encik Tan Tian Yan, Timbalan Pengarah Urusan Malaysia Sin Chew Daily ke atas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB MENTERI

16 OGOS 2022 (SELASA)



Kunjungan Hormat Encik Tan Tian Yan, Timbalan Pengarah Urusan Malaysia Sin Chew Daily ke atas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JULAI DAN OGOS 2022



ENCIK AMIRUL SYAFIQ BIN AMRIN
Penolong Jurutera Awam Gred JA29
Tarikh lapor diri : 14 Julai 2022



PUAN WAN FARAH HANIM BINTI WAN MUHAMAD
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48
Tarikh lapor diri : 22 Ogos 2022

PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JULAI DAN OGOS 2022



ENCIK MUHAMMAD HILMI BIN ABD SUKOR

Penolong Jurutera Awam Gred JA29
Jabatan baru: Kementerian Kerja Raya



ENCIK MOHAMAD YAHYA BIN RAHAMAN

Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48
Jabatan Baru : Jabatan Perdana Menteri

PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JULAI DAN OGOS 2022



PUAN ROZILAH BINTI AZHAR
Pegawai Penyelidik Gred Q41
Jabatan baru : Majlis Keselamatan Negara, JPM



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my